

**Bacalah riwayat hidup**

## **Muhammad Rasulullah**

*Sallā Allāhu ‘alayhi wa ălīhi wa sallam*

Diterjemah dan disusun oleh:

**Abdullah Basmeh**



“Saya – kata Bernard Shaw – telah menyelidik riwayat hidup Nabi Muhammed dan sifat-sifatnya yang bukan sahaja menakjubkan tetapi wajib dipanggil akan dia penyelamat manusia. Saya yakin sekiranya dunia sekarang dipandu oleh seorang pemimpin yang bersifat seperti beliau nescaya akan berkejayaan menyelesaikan segala perbalahan dengan cara yang akan membawa keamanan dan kebahagiaan yang sangat-sangat dihajati oleh alam kita hari ini.”

“Agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammed – kata Thomas Carlyle – ada satu kelebihannya yang besar, iaitu dasar persamaan di antara manusia.”

Islam juga telah menjadikan “zakat” suatu rukun daripada rukun-rukunnya yang lima, untuk dibahagikan kepada fakir miskin dan orang-orang yang malang hidupnya. “Cara ini – kata Thomas Carlyle lagi – sesungguhnya terlalulah eloknya, dan tidak lain daripada suara kemanusiaan, suara rahmat, suara persaudaraan dan persamaan yang terpancar daripada hati anak Padang Sahara: Nabi Muhammed.”

“Agama Islam yang dianjurkan oleh Nabi Muhammed – kata Paul H. G. Wells – adalah mengandungi roh perasaan belas kasihan, murah hati dan persaudaraan Islam: suatu agama yang mudah difaham, digemari dan penuh dengan pendidikan akhlak yang terpuji.”

Ini hanya pendapat orang-orang Barat – yang bukan Islam – terhadap batang tubuh Nabi Muhammad *sallā Allāh ‘alayhi wa ălīhi wa sallam* dan pengajarannya serta hakikat agama Islam yang dibawanya. Bagaimanapun pendapat orang-orang timur yang kebilangan, bagaimana pendapat sahabat-sahabat Baginda sendiri bahkan bagaimana penjelasan kitab suci al-Qur’ān al-Karīm? Bacalah kesemuanya itu di dalam buku ini.

Empat penggal tamat – sepenggal \$1.20 belanja mengirimnya 10 sen.

Pesanlah kepada penerbitan:

**Qalam, Singapura.**